

RANG UNDANG2 INSTITUT KAJIAN STRATEGIK AKAN DIBENTANG DI PARLIMEN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Rang undang-undang penubuhan Institut Kajian Strategik (IKS) akan dibentangkan dalam sidang Parlimen sesi ini jika masa mengizinkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini.

"Penubuhan IKS telah pun diluluskan oleh Kabinet," tambahnya selepas menyampaikan diploma kepada peserta-peserta kursus 11 bulan di Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) di Dewan Serbaguna Kementerian Pertahanan, di sini.

Beliau menambah, sekiranya terlalu banyak rang undang-undang hendak dibentangkan, ia akan dibentangkan pada sesi akan datang.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Pertahanan memberitahu, institut itu akan mempunyai ibu pejabat di sini dan pihaknya sedang mencari sebuah bangunan untuk disewa.

Institut yang diumumkan penubuhannya tahun lalu, akan dipengerusikan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, dan tidak akan digabungkan dengan mana-mana pihak.

Tumpuan

Fungsi IKS adalah mengkaji pergolakan dan perkembangan politik dan ekonomi dunia supaya negara memahami dan membentuk dasar-dasar yang sesuai dengan pergolakan tersebut.

Sebelum itu, Komandan MTAT, Brig. Jen. Haji Mustaffa Awang menegaskan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju mengendalikan program pengajian strategi maktab itu tahun depan.

Katanya, pengajian itu



DATUK SERI DR. MAHATHIR

akan diberi nafas baru dengan tumpuan kepada hal-ehwal negara dan serantau, sementara waktu kuliah akan ditambah dari 40 kepada 75.

Beliau mengumumkan, beberapa perubahan baru dalam kurikulum maktab itu pada tahun depan, termasuk pendekatan baru dalam modul pengurusan, pengajian, strategi dan sistem penilaian.

Menurutnya, maktab itu akan dapat kerjasama Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dalam kursus pengurusan.

Brig. Jen. Haji Mustaffa berkata, MTAT juga akan mengeluarkan Jurnal Tentera Darat yang akan memaparkan artikel-artikel mengenai doktrin, pengurusan, kepimpinan dan ketenteraan.

Serentak dengan itu, maktab akan terus mengendalikan 'wargames' dalam sistem latihannya. 'Wargames' adalah alat kajian taktik dan dikendalikan melalui analisa kuantitatif.

Kursus tahun ini berbeza kerana pada penggal kedua, konsep 'Service Wing' diperkenalkan, menekankan pengkhususan ilmu di bidang masing-masing iaitu Tentera Darat, Laut dan Udara.

Seramai 144 orang pegawai termasuk 16 dari luar negeri, menerima diploma dalam upacara tersebut.

Enam belas peserta luar ialah Amerika Syarikat, Ghana, Sudan, Bangladesh, Papua New Guinea, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand, Britain dan negara-negara Asean.

Maj. Leng Chong Hooi dari Kor Perkhidmatan menerima hadiah pertama bagi penulisan esei, dan kedua dimenangi oleh Maj. Mohamad Riah Haji Ismail dari Rejimen Askar Melayu Diraja.

BERITA HARIAN, JUMAAT, 3 DISEMBER, 1982

No. Siri 6716
No. Penerimaan 1023/86